

47
NO. SOALAN: 29

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. KO CHUNG SEN [KAMPAR]

TARIKH : 06.11.2017

SOALAN :

Dr. Ko Chung Sen [Kampar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) sama ada SPRM akan menapis semua ahli politik yang dipilih termasuk Menteri Kabinet, anggota Parlimen, Ahli Dewan Undangan Negeri dan pegawai tinggi Kerajaan yang dilantik; dan
- (b) sama ada SPRM juga akan melakukan tapisan terhadap semua ahli politik dan pegawai Kerajaan selepas persaraan mereka.

JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Yang Berhormat Kampar,

Setakat ini pihak Kerajaan telah meminta Suruhanjaya ini menjalankan Tapisan Keutuhan SPRM ke atas ahli politik yang dipilih menjadi Menteri Kabinet dan pegawai tinggi Kerajaan yang dilantik. Sehingga kini, belum ada permohonan dari pihak Kerajaan untuk SPRM Tapisan Keutuhan SPRM terhadap ahli politik dan pegawai Kerajaan selepas persaraan mereka.

Sekian, terima kasih.